

16/08/1997

Kedudukan NRIA legakan Dr Koh

M Thillinadan

GEORGETOWN, Jumaat - Kerajaan Pulau Pinang lega dengan jaminan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa sebahagian Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) akan dibina di negeri itu.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata kenyataan Perdana Menteri semalam berhubung kedudukan NRIA, melegakan semua pihak, khususnya beliau sendiri.

"Sebagai anak Pulau Pinang, saya sedih dengan cadangan penutupan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.

"Bagaimanapun, ini tidak akan berlaku sekurang-kurang bagi tempoh lapan hingga 10 tahun akan datang.

"Oleh itu, kerja pembinaan Kompleks Kargo Udara baru dan pembesaran bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas akan diteruskan mengikut jadual untuk menghadapi pertumbuhan yang semakin pesat.

"Kerajaan Pulau Pinang akan bekerjasama sepenuhnya dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan negeri ini tidak ketinggalan dalam projek NRIA atau pembangunan lain pada masa depan," katanya pada sidang akhbar khas di pejabatnya, hari ini.

Dr Mahathir ketika menjawab soalan pemberita di Kedah semalam, berkata Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas mungkin ditutup dan operasinya dipindah ke NRIA yang bakal dibina di kawasan tebus guna berhampiran Kuala Muda.

Bagaimanapun, sebahagian projek tebus guna itu turut membabitkan Pulau Pinang.

NRIA yang dicadangkan itu bukan untuk Kedah atau Pulau Pinang, tetapi untuk Utara Malaysia.

Dr Koh berkata, kenyataan Dr Mahathir semalam, menunjukkan Perdana Menteri menerima cadangannya (Dr Koh) supaya NRIA turut membabitkan kawasan Pulau Pinang dan menghubungkannya dengan Georgetown dan Taman Perindustrian Bayan Lepas dengan lebuh raya dan jambatan atau terowong dasar laut.

"Saya mengemukakan cadangan bersama peta kepada Perdana Menteri dua hari selepas beliau pulang daripada bercuti selama dua bulan, Julai lalu," katanya.

Dengan menunjukkan peta lakaran itu, Dr Koh berkata sebahagian NRIA dibina di kawasan Pulau Pinang dan disambung dengan lebuh raya besar sehingga ke Butterworth serta dihubungkan ke pulau melalui jambatan atau terowong dasar laut.

"Selepas siap pembinaan NRIA, jarak antaranya dengan Georgetown hanya 26 kilometer atau 20 minit perjalanan kereta pada kelajuan 80 kilometer sejam, manakala jarak ke Taman Perindustrian Bayan Lepas hanya 50 kilometer atau 40 minit perjalanan.

"Akhirnya kita dapati jarak dan masa perjalanan antara Georgetown dengan NRIA di Kuala Muda lebih kurang sama jarak dengan Bertam di Seberang Prai iaitu tapak awal yang dicadangkan untuk NRIA," katanya.

Beliau berkata, lebuh raya dan jambatan/terowong menghubungkan Kuala Muda dan Georgetown dibina sebelum NRIA siap.

Katanya, lapangan terbang itu milik seluruh Wilayah Utara dan memberi jaminan ia tidak menjejaskan sektor pembuatan dan pelancongan di Pulau Pinang.

"Ia juga sesuai untuk kawasan Pembangunan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand.

"Pulau Pinang hanya akan maju pada masa depan jika seluruh Wilayah Utara maju," katanya.

Ditanya berapa peratus daripada NRIA akan dibina di Pulau Pinang, Dr Koh berkata, keputusan itu hanya akan dibuat selepas kajian kemungkinan dan Penilaian Kajian Alam Sekitar (EIA) dibuat.

Sama ada isu lapangan terbang itu (yang dilobinya sejak sejak 1991) satu kegagalan peribadi kepadanya, Dr Koh menjawab: "Saya menghormati keputusan Perdana Menteri".

(END)